

Memorandum

Ruj. Kami : USM. 35/3 JLD. XI
 Tarikh : 25 April 2022
 Kepada : Semua Staf
 Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
 11800 USM
 Pulau Pinang, Malaysia
 Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 19 TAHUN 2022

- PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA VERSI 1.0 TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) berkaitan Persaraan Dan Faedah Persaraan dan Kemudahan Cuti mengenai perkara-perkara berikut untuk dilaksanakan sepenuhnya di Universiti Sains Malaysia:

- **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Persaraan Dan Faedah Persaraan) Versi 1.0 (2022) / Surat Edaran : JPA/PEN/228/15/2(26)**
 - i) Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) (Ceraian PP.1.3.1.) (LAMPIRAN A)
 - ii) Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 160 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan (Ceraian PP.1.3.3.) (LAMPIRAN B)
- **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Cuti) Versi 1.0 (2022) / Surat Edaran : JPA.SARAAN (S) 43/35 Jld.12 (8) dan JPA.SARAAN (S) 43/34 Jld.3 (24)**
 - iii) Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan (Ceraian SR.5.4.4) (LAMPIRAN C)
 - iv) Peraturan Berkaitan Penerimaan Cuti Sakit Swasta Untuk Tujuan Kemudahan Cuti Sakit (Ceraian SR.5.4.5) (LAMPIRAN D)

3. Perincian mengenai pekeliling tersebut adalah seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
 Bahagian Sumber Manusia

MAMS/NR/MFAA/smaa/Hebahan_CeraianPP1.3.1/CeraianPP1.3.3/ CeraianPP1.3.4

..2-

- 2 -

HEBAHAN PENDAFTAR BILANGAN 19 TAHUN 2022

- PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA VERSI 1.0 (2022)

s.k. Naib Canselor

Pendaftar

Tel. : (6)04 6536070 | Faks : (6)04 6534315 | e-Mel : azizudin@usm.my | Web: registry.usm.my



PEMAKAIAN PEKELILING/SURAT PEKELILING/ PERATURAN/KAEDAH/ARAHAN

- | | | |
|-------------------------------|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| PENERBITAN | : | Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) |
| DOKUMEN | : | Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (Persaraan dan Faedah Persaraan) Versi 1.0 (2022) / Surat Edaran : JPA/PEN/228/15/2(26) |
| TAJUK | : | Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)
(Ceraian PP.1.3.1.) |
| KUAT KUASA | : | Pekeling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 |
| SYARAT DAN PELAKSANAAN | : | <p>Pengumpulan cuti rehat bagi GCR hanya boleh diberikan kepada pegawai-pegawai lantikan tetap (termasuk pegawai dalam tempoh percubaan) dan pegawai-pegawai sementara dalam perkhidmatan awam Persekutuan. Pengumpulan GCR diperuntukkan di bawah mana-mana Perintah Am, Peraturan-Peraturan, Ceraian atau Ketetapan Khas yang terpakai bagi seseorang pegawai dari semasa ke semasa adalah tertakluk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> - kelayakan cuti rehat tahun semasa; - peraturan untuk membawa cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan ke tahun hadapan; dan - kaedah bagi pengumpulan cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan. - GCR adalah dikira berdasarkan formula yang berikut:
$1/30 \times \text{gaji yang akhir diterima} \times \text{jumlah bilangan cuti rehat yang terkumpul, tertakluk kepada maksimum peraturan yang berkuatkuasa.}$ |

Mulai 1 Januari 2022, pegawai boleh mengumpul cuti rehat sehingga maksimum 160 hari.



**PEMAKAIAN PEKELILING/SURAT PEKELILING/
PERATURAN/KAEDAH/ARAHAN**

- PENERBITAN** : Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
- DOKUMEN** : **Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (Persaraan dan Faedah Persaraan) Versi 1.0 (2022) / Surat Edaran : JPA/PEN/228/15/2(26)**
- TAJUK** : Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 160 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan (Ceraian PP.1.3.3.)
- KUAT KUASA** : Pekeling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022
- SYARAT DAN PELAKSANAAN** : Pegawai yang layak untuk menggunakan kemudahan cuti rehat pada tahun akhir perkhidmatan ialah pegawai yang mengumpul GCR melebihi 160 hari pada tahun persaraan, yang mana hanya GCR yang melebihi 160 hari boleh digunakan sebagai cuti rehat. Pegawai boleh menggunakan cuti ini secara sekaligus ataupun berperingkat dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh bersara tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Ketua Jabatan hendaklah :
- memastikan pengumpulan GCR yang dibuat sepanjang tempoh perkhidmatan adalah teratur;
 - memastikan GCR yang dikumpul melebihi 160 hari melalui eCuti;
 - meluluskan cuti rehat yang dipohon oleh pegawai tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan;
 - merekodkan kelulusan ini dalam Sistem Rekod Perkhidmatan (SISREP); dan
 - menggunakan aplikasi Sistem Pengiraan GCR yang boleh dimuat turun daripada portal www.jpapencen.gov.my untuk tujuan pengiraan GCR yang tepat akhir perkhidmatan.